

Rencana

Rukun Negara perlu jadi satu ideologi, dijiwai

Berita Harian (01/10/2020) M/S 12

Dalam keadaan dunia terus berusaha menangani perang asimetri COVID-19, semangat nasionalisme memainkan peranan penting untuk memupuk sentimen perpaduan dalam kalangan rakyat.

Sentimen perpaduan lazimnya di kemuncak pada waktu krisis kemanusiaan melanda sesebuah negara.

Ini kerana fitrah kelangsungan hidup dan kebergantungan antara satu sama lain amat penting ketika berlakunya krisis kemanusiaan.

Ia akan mewujudkan teras semangat nasionalisme apabila kebersamaan wujud dalam konteks lebih besar seperti kepentingan memastikan keselamatan negara.

Malah, ia mencapai tahap tertinggi jika pentadbiran negara berupaya mengemudi krisis kemanusiaan bersama masyarakat.

COVID-19 terus memberi pengajaran kepada semua. Kepentingan perpaduan atau kebersamaan antara penawar paling berkesan untuk meratakan penularan COVID-19.

Dunia hari ini menyaksikan pembentukan kon-

India di Kashmir dengan pemansuhan Artikel 370 Perlembagaan India. Sekatan komunikasi juga kerap dijalankan selepas pemansuhan autonomi khas itu.

China juga menguatkuasakan undang-undang keselamatan di Hong Kong bagi meningkatkan pengawalan ke atas Hong Kong.

Konsep ketuanan ditakrifkan sebagai fahaman yang boleh diterjemahkan dalam sistem, kontrak sosial dan dasar sesebuah negara.

Konsep keagungan kulit putih (white supremacy) sering dikaitkan penyebab dalam mencetuskan bentuk ancaman dan keganasan baharu melalui doktrinasi melampau ketuanan putih.

Presiden Amerika Syarikat (AS), Donald Trump, dikatakan antara pemimpin dunia yang memangkinkan gerakan keagungan kulit putih secara tidak langsung.

Insiden tertentu dilabelkan sebagai kegiatan kepenggunaan termasuklah pengaruh keagungan kulit putih melalui doktrinasi Great Replacement.

Brendan Terrant yang terpengaruh dengan ideologi ekstremisme doktrinasi terbahit, melancarkan serangan di Christchurch, New Zealand yang mengorbankan 51 orang Islam.

Malah, pelbagai insiden lain di Euro-

Konsep atau doktrinasi ketuanan ekstremisme berupaya memecahbelahkan perpaduan negara. Kepentingan mentakrifkan ketuanan dalam konteks negara kita amatlah penting. Konsep ketuanan Malaysia perlu dibina berlandaskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara.

kin nyata dan membimbangkan.

Malaysia pula, ialah negara kuasa pertengahan dengan lokasi strategik mengamalkan pendekatan diplomasi dalam dasar luar negara. Namun, persoalannya apakah identiti masyarakat kita?

Konsep atau doktrinasi ketuanan ekstremisme berupaya memecahbelah-

Ini termasuk elemen pengaruh keagungan atau ketuanan secara ekstremisme yang mungkin akan mempengaruhi ketamadunan dan peradaban dunia.

Ketuanan Malaysia haruslah diterjemahkan dengan pemahaman sepenuhnya konsep Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara.

Bagi mencapai matlamat itu, doktrinasi pembujukan melalui penterjemahan perpaduan yang betul harus diselenggarakan.

Hak kebebasan bersuara dalam Perkara 10(1) Perlembagaan Persekutuan haruslah difahami bersama hak dan tanggungjawab kebebasan bersuara serta limitasi tertakluk dalam Perkara 10(2), (3) & (4) Perlembagaan Persekutuan. Lima elemen Rukun Negara juga harus ditafsirkan jelas.

Konsep kepercayaan pada Tuhan perlu diterangkan mengikut keutamaan digariskan dan pengiktirafan sepenuhnya Islam sebagai agama Persekutuan.

Penghayatan konsep kesetiaan kepada raja dan negara perlu bagi memastikan institusi diraja kekal dihormati lapisan masyarakat Malaysia.

Kepentingan memahami elemen keulahan Perlembagaan tidak boleh dipandang mudah. Status Perlembagaan Persekutuan sebagai dokumen utama



Dr Noor Nirwandy Mat Noordin

sep ketuanan atau *supremacy* yang menjadi pilihan segelintir pemimpin negara dunia.

Ada antara negara tertentu, konsep ketuanan diterima rakyat mereka hingga mewujudkan gelombang ketuanan moden dalam peradaban global masa kini.

India menerima kecaman masyarakat antarabangsa apabila meluluskan undang-undang meminda autonomi khas Kashmir. Parlimen India membatalkan autonomi wilayah khas tadbir

Malah, pelbagai insiden lain di Eropah berhubung kait elemen keagungan kulit putih yang bersifat ekstremisme.

Perisikan negara Eropah juga memberikan amaran berhubung peningkatan kewujudan kluster baharu keunggulan kulit putih termasuk tindakan sekumpulan rakyat Denmark membakar al-Quran di perhimpunan haram di Sweden yang harus dikesam.

Insiden seperti ini melambangkan ancaman keagungan kulit putih sema-

konsep atau doktrinasi ketuanan ekstremisme berupaya memecahbelahkan perpaduan negara. Kepentingan mentakrifkan ketuanan dalam konteks negara kita amatlah penting.

Konsep ketuanan Malaysia perlu dibina berlandaskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara.

Ini kerana formula perpaduan negara jitu perlu dibentuk dalam keadaan global dilihat berkemungkinan akan mengalami tempias elemen keagungan dan ketuanan dalam dasar serta kontrak sosial negara tertentu.

Peringkat madaan. Status Perlembagaan Persekutuan sebagai dokumen utama negara perlu diterangkan dan memastikan seluruh rakyat Malaysia menjawai Perlembagaan Persekutuan secara keseluruhan.

Kedaulatan undang-undang perlu diperjelaskan dengan khusus terutama berhubung peranan undang-undang dalam negara. Ini termasuk kepentingan undang-undang sivil dan syariah kerana kedua-dua konteks perundangan ini tertakluk dalam penghayatan kedaulatan undang-undang digariskan Rukun Negara.

Akhirnya, langkah penerapan aspek kesopanan dan kesusilaan secara konsisten kepada masyarakat kerana ia induk kepada perpaduan dan teras ketuanan Malaysia.

Kita tidak boleh membiarkan Rukun Negara hanya dibaca dan dibudayakan secara longgar oleh rakyat serta pentadbir negara.

Berbezanya Panca Sila Indonesia yang diangkat sebagai satu ideologi, menjadi teras undang-undang dan nilai budaya serta sosial negara terbabit.

Justeru, sudah tiba masanya Rukun Negara tidak hanya menjadi retorik dan bersifat bermusim. Kaedah perang saraf positif kepada masyarakat dilihat sudah mula digerakkan, tetapi memerlukan lebih penerapan pemikiran dijalankan secara santai tetapi berkesan.

Rukun Negara perlu dijiwai dan proses penjiwaan yang distrukturkan dengan gabungan kaedah doktrinasi secara strategik dan mengikut nilai budaya ketuanan Malaysia.



Semangat nasionalisme memainkan peranan penting untuk memupuk perpaduan dalam kalangan rakyat.

Penulis ialah Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Perangraf Media dan Informasi, Universiti Teknologi MARA (UiTM)